

89  
D.H. 30 NOV 1977

**KUALA LUMPUR,**  
Rabu. — Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, telah melantik Dr. Mahathir bin Mohamad menjadi Pengerusi baru Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia (FIMA) dan akan mula bertugas dari 1 Januari depan.

Perlantikan tersebut dibuat, menurut satu kenyataan Jabatan Perdana Menteri hari ini, adalah dengan persetujuan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Haji Abdul Taib Mahmud.

Dr. Mahathir, seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO, menggantikan pengerusi FIMA sekarang, Encik Jamil bin Mohamad Jan, yang akan tamat perkhidmatannya pada akhir tahun ini.

### Tumpuan

Menurut kenyataan tersebut, ini ialah untuk membolehkan Encik Jamil, yang juga Pengerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan (FIDA), menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha penggalakan pelaburan di bidang perindustrian.

"Ini juga membolehkan Encik Jamil sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan

Getah Malaysia (MRDC), menumpukan perhatian untuk memajukan perusahaan getah bagi pekebun-pekubun kecil," kata kenyataan itu.

Encik Jamil Jan juga Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia telah ditubuhkan oleh Kerajaan dengan modal sebanyak \$50 juta pada 26 Februari lalu.

### Buah2an

Syarikat ini ditubuhkan dengan tujuan memesat dan mempercepatkan rancangan memajukan perusahaan luar bandar, terutamanya dalam pemasaran buah-buahan, perikanan dan lain-lain supaya dapat mengadakan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat di luar bandar.

Syarikat tersebut sekarang mempunyai dua buah kilang nenas di negeri Johor dan berancang akan membuka sebuah lagi kilang di Ulu Langat dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Selain dari mengusahakan pengeluaran bahan-bahan makanan seperti nenas dalam tin, FIMA juga mengusahakan pemasaran bagi bahan-bahan tersebut di luar negeri.